

PALAPES UMS Turun Padang Bantu Mangsa Banjir Pusat Amal Latihan dan Amali OKU

Terakhir dikemaskini: Khamis, 09 Julai 2020 15:14 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1345



berprestij tetapi juga mampu memberi sumbangan khidmat bakti kepada masyarakat.

Dalam pada itu, orang awam adalah dialu-alukan untuk memberi sumbangan beras dan barang keperluan dapur bagi meringankan beban pusat latihan tersebut.

KHAMIS, 9 JULAI - Prihatin terhadap bencana banjir yang melanda Pusat Amal Latihan dan Amali Orang Kurang Upaya(OKU) di Tuaran, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sabah (UMS) turun padang bagi membantu membersihkan semula kawasan pusat latihan tersebut.

Menurut Ketua Jurulatih PALAPES UMS, Mejari Erika Fatra Roslita Rusli, "Program Jiwa Murni" yang dilaksanakan selama dua hari di pusat latihan tersebut adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban dalam kalangan golongan OKU yang terjejas akibat hujan lebat serta banjir baru-baru ini.

"Program ini juga menjadi platform untuk PALAPES UMS mengeratkan hubungan silaturrahim antara staf UMS, anggota tentera dan masyarakat amnya serta golongan OKU khasnya.

"Program ini turut mendapat sokongan penuh daripada Naib Canselor UMS, Prof. ChM. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin yang memuji penglibatan kakitangan dan pelajar universiti dalam aktiviti kemasyarakatan seumpama ini," katanya.

Ujar Mejari Erika, usaha sebegini membuktikan bahawa UMS bukan saja mampu melahirkan siswa-siswi yang

